

**Untuk Siaran Segera
7 Oktober 2022**

HAD PELABURAN ASB DAN ASB 2 DINAIKKAN KEPADA RM300,000

Kuala Lumpur, 7 Oktober 2022: Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyambut baik pembentangan Bajet 2023 oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan. Bajet 2023 merupakan suatu bajet yang amat menyeluruh serta progresif yang menyentuh pelbagai aspek ekonomi, pasaran modal, keusahawanan, pendidikan, dan kesejahteraan rakyat.

Sepertimana yang telah diumumkan oleh YB Menteri Kewangan dalam ucapan pembentangan Bajet 2023 hari ini, PNB dengan sukacitanya memaklumkan bahawa had pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) akan dinaikkan kepada RM300,000 daripada RM200,000 bermula pada tahun 2023.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNBAhmad Zulqarnain Onn, berkata, “PNB amat berbesar hati kerana diberi peluang dalam usaha menggalakkan budaya menabung dan pelaburan dalam kalangan rakyat Malaysia, dan selari dengan mandat PNB untuk meningkatkan kekayaan ekonomi komuniti Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara.”

Maklumat terperinci berkenaan kenaikan had pelaburan ASB dan ASB 2 akan diumumkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh PNB, dalam masa terdekat.

- Tamat -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 280 bilion dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad